



karya terakhir

RUSTAM A. SANI

Ketemu di Alur Zaman

3.2595
RUS

Himpunan rencana tentang beberapa
tokoh masyarakat di Malaysia



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAKSAK
KEPIMPINAN
PERDANA



KETEMU DI ALUR ZAMAN





KETEMU DI ALUR ZAMAN

Himpunan rencana tentang beberapa
tokoh masyarakat di Malaysia


karya terakhir
RUSTAM A SANI

PUSTAKA PERDANA



1007606

Diterbitkan oleh
Media Icon Sdn Bhd (703648-T)
2009





Ketemu di Alur Zaman
ISBN: 978-983-44689-3-4
© Media Icon Sdn Bhd 2009
Cetakan pertama 2009

Hak cipta terpelihara. Selain petikan ringkas untuk ulasan, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa juga bentuk, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara-cara lain melainkan mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Media Icon Sdn Bhd, 22C, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan pada 2009 oleh
Media Icon Sdn Bhd,
22C Jalan Pahang Barat,
Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur, Malaysia.
editorsiasah@gmail.com

Dicetak oleh
Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd

923.2595
RUS

Kandungan

| | |
|---|-----|
| Dari Penerbit | vii |
| Bab 1: H. M. Dahlan | 1 |
| Bab 2: Ahmad Boestamam, ayahku | 9 |
| Bab 3: Lee Kuan Yew | 13 |
| Bab 4: Syed Husin Ali | 19 |
| Bab 5: Abdul Razak Ahmad | 25 |
| Bab 6: Kassim Ahmad | 29 |
| Bab 7: Johan Jaaffar | 37 |
| Bab 8: Ezam Mohd Nor | 43 |
| Bab 9: Khairy Jamaluddin | 49 |
| Bab 10: Zainuddin Maidin | 59 |
| Bab 11: Usman Awang | 65 |
| Bab 12: Wujudkah ‘pasukan impian’ dalam kepimpinan politik Melayu? | 71 |





Rustam A Sani

Dari Penerbit

BUKU *Ketemu di Alur Zaman* ini merupakan buah tangan terakhir tokoh politik sosiologi Allahyarham Rustam A Sani. Ia berupa himpunan rencana tentang sebelas tokoh politik atau tokoh masyarakat tempatan yang mewakili berbagai zaman dan era. Rencana ini pernah disiarkan di pelbagai penerbitan menerusi kolum-kolum beliau di akhbar dan penerbitan alternatif.

Buku ini merupakan koleksi terakhir Allahyarham Rustam A Sani yang tidak sempat diterbitkan. Kemungkinan menjadi harapan Allahyarham untuk menghimpunkan lebih banyak artikel bersangkutan menerusi koleksi ini.

Sebagai menghormati dan menyanjungi budi Allahyarham, khususnya dalam dunia penulisan, kami mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku ini sebagai salah satu kenangan dari kami. Ianya mungkin kecil, di mana jauh berbanding dengan kehebatan dan ketokohan beliau sebagai penulis dan politikus, sosiologis namun dari buku ini sedikit sebanyak kita dapat merungkai bagaimana beliau menyorot dan menyuluh pemikiran, karakter dan juga keganjilan-keganjilan yang berlingkar di sekeliling beberapa watak yang dipilih Allahyarham itu.

Pandangan terhadap tokoh ini bukan saja langsung dari sudut hatinya sendiri, tetapi mungkin juga dari pengalamannya bersama tokoh itu kerana sebahagian besar mereka adalah kawan yang pernah duduk sebaris dalam saf perjuangan sama dengan Allahyarham.

Selain mengenali rupa diri dan watak tokoh-tokoh itu pendedahan atau ulasan terhadap mereka juga boleh dianggap sebagai mewakili sebahagian besar manusia politik dan tokoh sosial lain yang tidak jauh bezanya daripada apa yang ada pada tokoh-tokoh berkenaan.

Harapan dengan terbitnya buku ini ia sedikit sebanyak dapat menghilangkan rasa haus kita kepada tulisan dan catatan Allahyarham yang muncul dalam hampir semua akhbar alternatif di sepanjang hayatnya sebelum ini, yang selepas ini tidak akan kita temui lagi.

Walaupun pengamatan masa dan tanggapan beliau terhadap watak-watak dan perwatakan itu sudah berubah, begitu juga duduk tempat, jawatan dan kuasa sesetengah dari mereka namun ia masih relevan dan tetap segar.

Secara tidak langsungnya menerusi beberapa tulisan peribadi ini dapat menjenguk ke dalam diri Rustam bagaimana ketajaman dan ketepatan beliau menilai sesuatu isu dan menghubungkan kaitkan dengan situasi semasa.

Untuk ini diucapkan terima kasih kepada Rohani Rustam, isteri Allahyarham yang membenarkan koleksi terakhir Allahyarham ini diterbitkan.

Terima kasih.

